

TPM mahu kekal momentum komersial 8 produk

Harian Metro

6 Julai 2017 | Khamis

TPM mahu kekal momentum komersial 8 produk

Kuala Lumpur: Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) mahu terus mengekalkan momentum dalam mengkomersialkan antara enam hingga lapan produk dan perkhidmatan daripada program inkubatornya dalam tempoh enam bulan akan datang.

Pengurus Besar Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Perkhidmatan Korporatnya Zulkifli Fitri Ismail berkata, jumlah itu selaras perancangan syarikat untuk meningkatkan pencalonan produk bagi Tahun Pengkomersialan Malaysia 2017 (MCY 2017) kepada lapan produk yang dikomersialkan sektor kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), bioteknologi dan teknologi hijau.

Menurutnya, antara produk yang dikomersialkan termasuk enjin GX-300 Oxy-Hydro Fuel Cell, In-

fluenza Test Kit, IV&V Testing Toolkit dan Environment Monitoring System (EMS).

"Semua produk dan perkhidmatan yang dicalonkan sudah melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan memenuhi piawaian industri berkaitan sebelum dikomersialkan," katanya kepada Bisnes Metro.

Pada 2016, empat daripada 10 peserta akhir Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 (MCY 2016) terdiri daripada syarikat di bawah bimbingan TPM dengan keempat-empat syarikat memenangi anugerah terbaik keseluruhan, hadiah utama dan tempat kedua dengan jumlah hadiah terkumpul RM500,000.

Beliau berkata, rakyat Malaysia perlu terus meneroka bidang teknologi dan peluang keusahawanan melalui sains, teknologi dan inovasi (STI) me-

lalui pengkomersialan teknologi dan inovasi baru dari perspektif pasaran berdasarkan keperluan global.

"Dalam hal ini, usahawan tempatan terutama usahawan teknologi perlu sentiasa mengemas kini pengetahuan keusahawanan mereka mengenai perkembangan terbaru bukan saja dari aspek STI, namun cara untuk menembusi pasaran antarabangsa.

"Kejayaan pengkomersialan bergantung kepada kesediaan setiap inkubator untuk memenuhi keperluan pasaran diperlukan dari aspek inisiatif R&D, pemasaran dan pengurusan, piawaian produk dan kemahiran yang berkaitan," katanya.

Dalam perkembangan sama, TPM melancarkan skim pembiayaan baru dikenali TPM Technopreneur

Facilitation Fund (TFF) atau Dana Pembangunan Technopreneur untuk memberi bantuan kewangan kepada usahawan dalam aspek pembangunan produk hingga pengeluaran melalui perkhidmatan ditawarkan TPM Engineering Sdn Bhd dan TPM Biotech Sdn Bhd.



ZULKIFLI Fitri